



**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2024**

Tarikh : 23 September 2024 (Isnin)
Masa : 2.30 – 4.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya / Atas Talian

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. Dato' Haji Adnan bin Hussain
Ketua Pengarah Perikanan - Pengerusi
2. Mohamed Rizal Bin Mustafa @ Mustapha
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan - Ahli
3. Puan Shamila binti Zainol
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan - Ahli
4. Puan Nur Hidayati binti Abu Hairi
Bahagian Khidmat Pengurusan - Setiausaha Pihak
Pengurusan
5. Puan Agnes Caroline Anak Gibea
Bahagian Khidmat Pengurusan - Ahli
6. Puan Intan Mawarni Binti Mohamed Zain
Bahagian Pembangunan Modal Insan - Ahli
7. Puan Nurul Husna binti Zaidi
Bahagian Khidmat Pengurusan - Urus setia

KEHADIRAN WAKIL PEKERJA:

1. Encik Nummeran bin Mohd Nordin
Bahagian Pengembangan Perikanan
Naib Pengerusi dan Wakil Pekerja G48
2. Encik Mohamad Ikraf bin Mohamad Sharif
Bahagian Akuakultur
Setiausaha dan Wakil Pekerja Pegawai Perikanan G41
3. Encik Wan Muhammad Luqman bin Wan Rosdi
Institut Penyelidikan Perikanan Kg. Acheh, Perak
Wakil Pekerja Pegawai Penyelidik Gred Q41/44/48
4. Encik Kho Tai Soon
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41/44/48
5. Encik Shamsul Nizam bin Ibrahim Kamal
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja Ketua Pembantu Tadbir (Kew) Gred W41/29 & W19/22/26
6. Encik Mohd Nazir bin Taib
Institut Penyelidikan Perikanan Kampung Acheh, Perak
Wakil Pekerja Penolong Jurutera Gred JA29/32/36
7. Cik Nur Athirah Binti Abdul Rahman
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja Penolong Pegawai Tadbir Gred N29/32 & N19/22/26
8. Puan Mahfudzah binti Mahadzir
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Wakil Pekerja Pegawai Kader

Kehadiran Wakil Pekerja Secara Atas Talian

1. Ahmad Rashid Effendi bin Ahmad Razali
Pejabat Perikanan Negeri Kelantan
Wakil Pekerja Penolong Pegawai Perikanan Gred G29/32/36
2. Mohammad Hafiz bin Hassan
Institut Penyelidikan Perikanan Bintawa, Sarawak
Wakil Pekerja Penolong Pegawai Penyelidik Perikanan Gred Q29/32/36/40

3. Abdul Hafiz bin Shaari
Pejabat Perikanan Negeri Terengganu
Wakil Pekerja Pembantu Perikanan Gred G19/22/26/28

4. Noor Shafida binti Mohamad Tarmizi
Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Sayak, Kedah
Wakil Pekerja Pembantu Penyelidik Gred Q19/22/26/28

5. Norakmal bin Ramli
Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung, Pulau Pinang
Wakil Pekerja Penolong Pegawai Sains Gred C29 & C19/22/26

6. Aziz bin Yahya
Akademi Perikanan Malaysia
Wakil Pekerja Penolong Pegawai Laut Gred A29/36/38

7. Syazwana binti Mohd Subhi
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Wakil Pekerja Setiausaha Pejabat Gred N29/30/32/36 & N19/22/26/28

1. UCAPAN ALUAN Pengerusi MBJ

- 1.1 YBhg. Dato' Haji Adnan bin Hussain selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal serta mengalu-alukan kehadiran Wakil Pengurusan dan Wakil Pekerja yang turut hadir secara atas talian.

Tindakan: Makluman

- 1.2 YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan mesyuarat yang diadakan pada kali ini merupakan mesyuarat kali kedua yang mana MBJ perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Beliau berharap agar mesyuarat ini dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang agar suara dan pandangan Wakil Pekerja dapat disampaikan kepada Pihak Pengurusan dan tindakan sewajarnya dapat diambil.

Tindakan: Makluman

- 1.3 YBhg. Dato' Pengerusi juga memaklumkan kerajaan sedang melaksanakan kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi tujuan menambahbaik Sistem Saraan sedia ada. Sebagaimana pengumuman YAB Perdana Menteri di Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) pada 16 Ogos yang lalu, semua penjawat awam diberikan pelarasan gaji baharu dengan kadar kenaikan 15% bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana manakala 7% bagi Pengurusan Tertinggi. Selaras dengan berita baik yang diumumkan tersebut, semua penjawat awam perlulah menunjukkan semangat dalam budaya kerja yang baru dan memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Tindakan: Makluman

- 1.4 Beliau juga turut mengingatkan semua warga Jabatan Perikanan Malaysia berhubung tatakelakuan dan tatatertib selaras dengan penambahbaikan yang dilaksanakan di dalam sistem saraan baharu iaitu pewujudan peraturan bagi kegagalan tadbir urus pengurusan kewangan awam. Selain itu, kriteria tapisan

tatatertib kini ditambah sebagai kriteria baharu bagi kelayakan Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) serta markah kelayakan bagi PGT dinaikkan daripada 60% kepada 75%. Di bawah item penilaian prestasi pula, markah kelayakan bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat telah dinaikkan daripada 80% kepada 85%. Sehubungan itu, YBhg. Dato' Pengerusi memohon agar semua warga Jabatan dapat melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan cemerlang dan penuh tanggungjawab sebagaimana yang telah ditetapkan.

Tindakan: Makluman

- 1.5 YBhg. Dato' Pengerusi turut memaklumkan gerak kerja bagi tujuan pemilihan opsyen SSPA sedang diselaraskan oleh Cawangan Pengurusan Personel, BKP. Oleh itu, kerjasama daripada semua warga amatlah diharapkan agar gerak kerja ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. Kerjasama daripada Wakil Pekerja juga amatlah diharapkan dalam menyampaikan arahan serta maklumat yang jelas kepada semua kakitangan sehingga diperingkat Kumpulan Pelaksana berhubung arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak pengurusan dari semasa ke semasa agar semua warga Jabatan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dengan segera.

Tindakan: Makluman

2. UCAPAN ALUAN WAKIL NAIB PENERUSI MBI

- 2.1. Naib Pengerusi MBI, En. Nummeran bin Mohd Nordin mengucapkan terima kasih di atas komitmen pihak pengurusan dalam menganjurkan mesyuarat MBI secara konsisten dan mesyuarat ini merupakan kali kedua bagi tahun 2024. Pihak Pekerja juga berharap agar platform MBI ini menjadi satu platform untuk suara mereka di dengari oleh Pihak Pengurusan dan semua usul yang diutarakan dapat dijelaskan oleh Pihak Pengurusan dengan baik.

Tindakan: Makluman

- 2.2. Beliau juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pihak Pengurusan yang telah mengadakan Majlis Apresiasi kepada semua Petugas MAHA yang telah bertugas sepanjang tempoh MAHA diadakan.

Tindakan: Makluman

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 3 TAHUN 2023

- 3.1. Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 1 Tahun 2024 diusul untuk disahkan tanpa sebarang pindaan oleh Pn. Shamila binti Zainol.

Tindakan: Makluman

4. MAKLUM BALAS MESYUARAT MBJ BIL.1/2024

4.1 Kursus Kepakaran

- 4.1.1. Melalui Mesyuarat MBJ Bil.1/2024, Pengarah (BPMI) memaklumkan dua kursus asas pengenalan pukat telah dilaksanakan pada tahun 2023 dan surat lantikan pakar telah diedarkan kepada 19 orang kakitangan yang dilantik pada 6 Februari 2024. YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) mencadangkan agar tempoh dan silibus kursus yang dilaksanakan dikaji semula agar kursus kepakaran yang dilaksanakan lebih komprehensif dan mampu melahirkan pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran yang tinggi di dalam bidang teknikal yang diceburi.

- 4.1.2 Pengarah Bahagian PMI memaklumkan permohonan peruntukan telah dibuat kepada Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP), KPKM dan maklum balas yang diterima melalui e-mel memaklumkan bahawa permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan kerana kursus ini adalah kursus "ad hoc" dan tidak disenaraikan di bawah kursus yang mendapat kelulusan di peringkat KPKM. Sehubungan itu,

Bahagian PMI mencadangkan supaya kursus tersebut dimohon di bawah peruntukan mengurus BPKLP, KPKM bagi tahun 2025.

Tindakan: Makluman

4.2 Urusan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan & Profesional

4.2.1 YBhg. Dato' Pengerusi melalui mesyuarat MBJ Bil.1/2024 bersetuju dengan cadangan Wakil Pekerja Gred G44 agar satu pertemuan diadakan bagi menjelaskan urusan kenaikan pangkat dan turut memaklumkan bahawa urusan kenaikan pangkat bagi pengisian kekosongan Gred G48 sedang dilaksanakan dan di peringkat Kementerian sebelum kertas cadangan dipanjangkan ke pihak JPA bagi tujuan kelulusan.

4.2.2 Ketua Cawangan Personel memaklumkan melalui SSPA, kemajuan kerjaya Kumpulan P&P telah ditambah baik dimana kenaikan pangkat secara *one off* melibatkan pegawai gred 41 hingga gred 48 secara Khas Utuk Penyandang akan dilaksanakan bagi pegawai yang telah **memenuhi tempoh dan kriteria** yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, urusan ini hanya bagi skim perkhidmatan yang kenaikan pangkatnya terhad kepada kekosongan jawatan. Beliau mencadangkan agar sesi pertemuan tersebut ditangguhkan terlebih dahulu sehingga Pekeliling/Surat Edaran berhubung perkara ini dikeluarkan oleh pihak JPA.

Tindakan: Makluman

4.3 Urusan Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Pembantu Laut

4.3.1 Berdasarkan keputusan mesyuarat MBJ Bil.1/2024, KCP memaklumkan DOF bersetuju untuk membantu Jabatan Laut Malaysia dalam membuat semakan dan mengemukakan dokumen sokongan (opsyen pemilihan Ketua Perkhidmatan) agar urusan kenaikan pangkat Pembantu Laut yang telah memilih Ketua Pengarah Laut Malaysia dapat dilaksanakan dengan teratur.

4.3.2 KCP dalam maklum balas yang diberikan, memaklumkan Salinan Borang Opsyen pemilihan Ketua Perkhidmatan telah dikemukakan kepada pihak JLM. Berdasarkan semakan terkini, pihak JLM memaklumkan urusan kenaikan pangkat dilaksanakan secara berperingkat dan mesyuarat kali pertama telah dilaksanakan pada 19 September 2024 dan jangkakan mesyuarat kali kedua akan dilaksanakan pada Oktober 2024.

Tindakan: Makluman

4.4 Penambahan Bilangan MySTEP

4.4.1 KCP melalui mesyuarat MBJ Bil.1/2024 memaklumkan jumlah MyStep adalah berdasarkan kelulusan Pegawai Pengawal dan pada tahun 2024, DOF hanya diluluskan 50% daripada yang dimohon dan jumlah tersebut perlu diagih secara sama rata. Selain itu, permohonan tambahan MYSTEP perlu diangkat kepada Ketua Setiausaha KPKM selaku Pegawai Pengawal bagi tujuan kelulusan.

4.4.2 Beliau memaklumkan permohonan tambahan MySTEP telah dikemukakan kepada KPKM pada Jun 2024 dan kini masih diperingkat pertimbangan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan Pegawai Pengawal KPKM.

Tindakan: Makluman

4.5 Pembayaran Honorarium dan Tuntutan Perjalanan

4.5.1 YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan agar BPMI dan BKP membuat semakan dan penyelarasan bagi kaedah pembayaran honorarium dan tuntutan perjalanan bagi pegawai yang dijemput sebagai penceramah jemputan.

4.5.2 Pengarah BPMI memaklumkan pembayaran honorarium dan tuntutan perjalanan hanya dipertimbangkan bagi permohonan yang diluluskan oleh Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) Jabatan Perikanan Malaysia Tahun 2024. Pembayaran tuntutan perjalanan setakat ini hanya dipertimbangkan untuk penceramah luar seperti Program Transformasi Minda Jabatan Perikanan Malaysia Tahun 2024 dan “*Executive Leadership Assessment Programme (ELEAP)*” di bawah INTAN.

Tindakan: Makluman

5. ISU WAKIL PEKERJA

5.1 Kajian penambahbaikan Skim C (Pembantu Makmal) ke Skim Q (Pembantu Penyelidik)

5.1.1 Naib Pengerusi MBJ memaklumkan beliau difahamkan terdapat kertas penambahbaikan pertukaran Skim C Pembantu Makmal kepada skim Q Pembantu Penyelidik. Beliau memohon status gerak kerja bagi kertas penambahbaikan tersebut.

5.1.2 KCP memaklumkan kertas permohonan akan dikemukakan ke JPA mengambil kira penambahbaikan yang telah dimuktamadkan di dalam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam.

Tindakan: BKP

5.2 Penempatan dan penambahan kakitangan di daerah yang kritikal

5.2.1 Naib Pengerusi MBJ memaklumkan bebanan kerja di daerah terutamanya cawangan perikanan tangkapan (lesen) kawasan yang mempunyai pendaftaran vesel nelayan bagi Zon A hingga Zon C yang banyak. Wakil Pekerja mencadangkan agar sekurang-kurangnya dua orang Pembantu

Perikanan ditempatkan di sesebuah daerah bagi membolehkan sistem penggiliran dibuat sekiranya salah seorang bercuti.

- 5.2.2 KCP memaklumkan berdasarkan Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam 2015, tiada pertambahan perjawatan kecuali dengan *urusan trade-off*. Pengisian bagi kekosongan jawatan pula tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat yang mana tidak melebihi 92% daripada jumlah perjawatan agensi. Oleh itu, Ketua Jabatan masing-masing perlu mengenal pasti keperluan pengisian di daerah masing-masing dan turut mengambil kira bebanan tugas di daerah berkaitan. Permohonan penstrukturan semula ini perlu dikemukakan kepada Dato' KPP untuk kelulusan.

Tindakan: Makluman

- 5.2.3 Cik Hazirah Abdol Wahab, Cawangan Pengurusan Personel berpandangan selepas pelaksanaan SSPA, *Job Description* (JD) bagi semua jawatan perlu ditambahbaik terutamanya bagi skim perkhidmatan yang dinaik taraf dengan kelayakan masuk peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (Gred 11 ke Gred 19) yang mana kompleksiti kerja di dalam JD bagi jawatan tersebut boleh dilihat semula.

Tindakan: Makluman

5.3 Penambahbaikan pengurusan penjawatan dan kenaikan pangkat

- 5.3.1 Naib Pengerusi MBJ sedia maklum bahawa pengurusan penjawatan dan kenaikan pangkat semasa adalah di bawah pegawai Skim N/M. Wakil Pekerja berpandangan skim ini tidak dapat menghayati dan memahami isu-isu yang dihadapi oleh pegawai Skim G. Sehubungan itu, dicadangkan agar pengurusan ini dipindahkan semula ke Bahagian PMI seperti mana yang pernah dilaksanakan sebelum ini (Bahagian Pembangunan Sumber Manusia) yang mana lebih memahami tugas hakiki dan keupayaan setiap pegawai Skim G berdasarkan laluan kerjaya.

Tindakan: Makluman

5.3.2 KCP memaklumkan semua urusan kenaikan pangkat adalah melalui pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat yang mana seterusnya perlu mendapat kelulusan daripada JPA. Penempatan bagi urusan kenaikan pangkat di Jabatan ini diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan, Pertukaran dan Pusingan Kerja (JK3P) yang dipengerusikan oleh Dato' KPP dan turut dihadiri oleh TKPP, TKPU, PBPMI dan KUI. Beliau juga memaklumkan bahawa penempatan pegawai bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat adalah bergantung kepada kekosongan jawatan. Sehubungan itu, pegawai perlulah bersedia melengkapkan diri dengan kompetensi yang diperlukan dijawatan tersebut. Sebagaimana skim-skim perkhidmatan lain, kompetensi skim perkhidmatan G adalah dalam bidang Sumber Perikanan Tangkapan, Akuakultur, Konservasi, Biosekuriti dan Pengembangan Perikanan. Sehubungan itu, semua pegawai di bawah skim perkhidmatan perikanan (G) perlulah kompeten dengan bidang-bidang yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

Tindakan: Makluman

5.3.3 Pengarah Bahagian Modal Insan memaklumkan BPMPI kini dalam proses menyediakan *Training Road Map* bagi tujuan melihat keperluan kursus yang diperlukan untuk peningkatan kompetensi dan kemajuan kerjaya pegawai. Beliau turut memaklumkan, BPMPI telah menerima cadangan kursus-kursus daripada semua bahagian dan kini dalam proses pemurnian.

Tindakan: Makluman

5.3.4 YBhg. Dato' Pengerusi turut memaklumkan kepada Wakil Pekerja setiap keputusan yang dibuat bagi urusan penempatan dan kenaikan pangkat diputuskan melalui keputusan mesyuarat dan turut mengambil kira ulasan Unit Integriti. Walau bagaimanapun, beliau turut memohon agar PBKP

melihat semula proses kerja terutamanya bagi urusan kenaikan pangkat sekiranya terdapat kelewatan di pihak Jabatan.

Tindakan: Makluman

5.4 Kuarters kakitangan dan fasiliti sedia ada telah uzur

5.4.1 Naib Pengerusi MBJ memaklumkan tahap penyelesaian dan kebajikan tempat tinggal kakitangan adalah rendah. Kebanyakan kuarters di Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) mengalami kerosakan dan telah usang. Beliau turut memaklumkan IPP Pulau Sayak dan IPP Kg. Acheh menumpang di kuarters kerajaan negeri dan mengalami kesukaran apabila permohonan peruntukan dibuat kepada kerajaan negeri.

Tindakan: Makluman

5.4.2 PBKP memaklumkan penambahbaikan kuarters melibatkan peruntukan belanja mengurus. Permohonan peruntukan tambahan akan dipanjangkan kepada pihak kementerian dan beliau memohon agar Cawangan Kewangan memberi keutamaan kepada keperluan paling kritikal terlebih dahulu.

Tindakan: BKP

5.4.3 YBhg. Dato' Pengerusi turut memaklumkan pihak pengurusan akan cuba memohon peruntukan khas pada tahun ini. Oleh itu, Ketua Jabatan perlu mengemukakan permohonan berserta gambar keadaan semasa kuarters atau fasiliti yang terkesan untuk dipertimbangkan.

Tindakan: Ketua-ketua Jabatan

5.5 Memperkenalkan semula pelekat kenderaan untuk kakitangan Jabatan bagi menangani masalah parkir di Aras B3

5.5.1 Naib Pengerusi MBJ memaklumkan terdapat lambakan kereta di parkir B3 dan juga parkir motosikal. Berdasarkan pemerhatian, kakitangan Syarikat Addeen turut meletakkan kenderaan di Aras B3 dan menyebabkan kesesakan sedangkan lot parkir dikhaskan untuk kakitangan Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian. Wakil Pekerja mencadangkan agar kenderaan berpelekat sahaja dibenarkan masuk dan meletakkan kenderaan di Aras B3.

Tindakan: Makluman

5.5.2 KCP memaklumkan BKP akan meneliti terlebih dahulu cadangan yang diusulkan dan akan berbincang dengan Bahagian yang berkaitan di KPKM memandangkan Blok 4G1 tidak melaksanakan kaedah pelekat kenderaan.

Tindakan: BKP

5.6 Tuntutan bayaran bulanan bil telefon bimbit dan kemudahan perolehan telefon bimbit

5.6.1 Naib Pengerusi MBJ memaklumkan berdasarkan WP 2.2 Peraturan Perolehan telefon bimbit adalah dibenarkan bagi Pegawai Perikanan Gred G48 oleh BKP tetapi tuntutan bil bulanan tidak dibenarkan disebabkan interpretasi pegawai yang berbeza. Walau bagaimanapun, beliau memohon pencerahan berikutan pemandu dibenarkan untuk menuntut bayaran bil bulanan telefon sebanyak RM 30/bulan.

Tindakan: Makluman

5.6.2 Ketua Cawangan Kewangan memaklumkan W.P 2.2 membenarkan kakitangan Gred 41 dan ke atas boleh membuat perolehan telefon bimbit dan tuntutan bil. Walau bagaimanapun, Perkara 5.1.4 menyatakan Jabatan

perluah memastikan mempunyai peruntukan yang mencukupi yang mana tuntutan perubatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Tambang Mengunjungi Wilayah dan Bayaran Taska adalah di bawah OS yang sama dimana Jabatan telah menerima peruntukan berjumlah RM1.4 juta dan sehingga September 2024, baki yang tinggal berjumlah RM204,000. Beliau turut memaklumkan permohonan peruntukan bagi OS tersebut hanya boleh dibuat dua tahun sekali. Amalan sedia ada Jabatan ini ialah tuntutan pembayaran bil telefon bimbit dibenarkan bagi Pegawai di Gred 54 dan ke atas. Memandangkan peruntukan yang diterima adalah terhad, tuntutan perubatan diberikan keutamaan terlebih dahulu mengambil kira kebajikan kakitangan Jabatan.

Tindakan: Makluman

- 5.6.3 YBhg. Dato' Pengerusi bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh KCK yang mana disebabkan oleh peruntukan yang terhad, kebajikan kakitangan diberi keutamaan dan keputusan sedia ada dikekalkan buat masa ini.

Tindakan: Makluman

6. HAL-HAL LAIN

- 6.1 Ketua Cawangan Pengurusan Personel membentangkan ringkasan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam kepada semua ahli mesyuarat. YBhg. Dato' Pengerusi dan Naib Pengerusi MBJ mencadangkan agar sesi penerangan turut dibuat kepada semua warga Jabatan dan turut dilaksanakan secara dalam talian bagi memastikan hebahan dapat dibuat secara menyeluruh.


Tindakan: BKP

7. PENUTUP

7.2 YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Tindakan: Makluman

DISEDIAKAN OLEH:



.....
(NUR HIDAYATI BINTI ABU HAIRI)
Setiausaha Pengurusan
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia



.....
(MOHAMAD IKRAF BIN MOHAMAD SHARIF)
Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia